

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEPULUH**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10 April 2001

SOALAN

YB Wan Nik Bin Wan Yussof (Bachok) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan apakah rasionalnya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga diwujudkan. Apakah fungsi-fungsi Kementerian ini, dan sejauh manakah fungsinya itu berlaku pertindihan dengan mana-mana Kementerian yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua, Terlebih dahulu, saya ingin meminta izin Tuan Yang DiPertua untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bachok yang dijadualkan pada 10 April 2001. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pengumuman penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri pada 17 Januari 2006. Penubuhan Kementerian ini telah dialu-alukan oleh semua pihak lelaki dan wanita yang menganggap ianya sebagai satu pengiktirafan terhadap perjuangan dan sumbangan wanita kepada pembangunan negara selama ini. Penubuhan Kementerian ini juga dianggap bertepatan kerana ia adalah selaras dengan objektif Kerajaan untuk meningkatkan taraf serta mengukuh dan memperkembangkan jentera Kerajaan yang mengendalikan pengintegrasian wanita sepenuhnya dalam semua proses dan peringkat pembangunan negara. Wanita mewakili 49.3 peratus daripada jumlah penduduk negara ini mengikut Laporan Am Banci Penduduk, 2000 sementara kadar penyertaan tenaga buruh wanita ialah 44.5 peratus. Oleh itu, langkah untuk mewujudkan satu Kementerian khas untuk pembangunan wanita dan pengukuhan institusi keluarga adalah sangat bertepatan dan penting bagi mempertingkatkan dan melicinkan lagi proses pembangunan wanita dan keluarga di negara ini. Fungsi utama Kementerian ialah untuk memberi nasihat serta mempengaruhi penggubalan undang-undang dan dasar pembangunan negara supaya keperluan asas dan kepentingan strategik wanita diperdikan dalam semua undang-undang dan dasar tersebut. Seterusnya, Kementerian akan memainkan peranan yang lebih proaktif dan memberi input kepada Kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain dalam merancang secara bersepadu dan teratur serta menggubal dasar yang lebih mesra wanita dan keluarga. Untuk memastikan perancangan dan penyelarasan dasar yang lebih berkesan, Kementerian juga akan mengukuhkan sistem pengurusan maklumat dan data dengan memastikan pengumpulan dan penyenggaraan data mengikut pecahan jantina (iaitu dengan izin 'gender disaggregated data') oleh pihak-pihak terbabit serta penganalisaan data yang memberi perhatian kepada aspek gender. Kementerian juga akan merancang dan menyelaraskan pelaksanaan program-program pembangunan wanita dan keluarga dengan tujuan untuk bukan sahaja meningkatkan taraf hidup wanita, tetapi juga meningkatkan sumbangan mereka terhadap proses pembangunan negara. Program-program ini akan dilaksanakan secara perkongsian bijak dengan agensi-agen pelaksana seperti agensi-agensi Kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dan sektor swasta. Secara keseluruhannya, bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian adalah luas dan berbentuk multisektor (dengan izin 'multi-sectoral'). Setakat ini belum ada satu undang-undang tertentu atau khas yang dikuatkuasakan oleh Kementerian ini. Sebagai satu badan penyelarasan, Kementerian ini perlu menyemak dan meneliti pelbagai undang-undang dan peraturan yang mempengaruhi semua aspek kehidupan wanita dan memberi kesan kepada keharmonian keluarga. Tuan Yang DiPertua, Saya amat yakin Kementerian ini tidak akan menghadapi masalah pertindihan fungsi dengan Kementerian lain, sebaliknya akan bersama-sama memantapkan usaha meningkatkan pengintegrasian wanita dan pembangunan keluarga. Malahan, kerjasama ini dapat memastikan pencapaian objektif dan pelaksanaan tanggungjawab yang lebih cekap dan efektif. Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga mencerminkan keprihatinan Kerajaan yang semakin meningkat terhadap isu-isu wanita. Ia juga merupakan satu inisiatif Kerajaan untuk terus mengadakan persekitaran dan mekanisma sokongan yang bersesuaian bagi membolehkan penyertaan wanita yang lebih berkesan sebagai rakan kongsi kepada lelaki dalam semua peringkat pembangunan sosio-ekonomi negara. Insyaallah, jika wanita Malaysia berjaya dan bahagia di dalam semua aspek, maka ini mencerminkan betapa unggulnya kaum hawa di Malaysia.

